

D.R. 27/2004

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2004.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Laporan Kewangan 1997 [*Akta 558*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "Bank Negara" takrif yang berikut:

' "buletin isu" ertinya pernyataan yang dikeluarkan atau diluluskan oleh Lembaga di bawah subseksyen 7(1) berkenaan dengan tafsiran, pemakaian atau pelaksanaan mana-mana piawaian perakaunan diluluskan atau perkara yang berhubungan dengan piawaian

Rang Undang-Undang

perakaunan diluluskan atau apa-apa perkara yang berhubungan dengan amalan perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan, sama ada secara am atau berhubung dengan apa-apa prinsip atau transaksi perakaunan yang khusus;';

- (b) dengan memasukkan selepas takrif "piawaian perakaunan" takrif yang berikut:

' "piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima" ertinya piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh badan-badan pengeluar piawaian perakaunan yang lain yang diberi pengiktirafan oleh Lembaga di bawah seksyen 26A;';

- (c) dengan menggantikan takrif "piawaian perakaunan diluluskan" dengan takrif yang berikut:

' "piawaian perakaunan diluluskan" ertinya—

- (a) piawaian perakaunan baru yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah perenggan 7(1)(a);
- (b) piawaian perakaunan yang sedia ada yang diterima pakai oleh Lembaga di bawah perenggan 7(1)(b); dan
- (c) berhubung dengan syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham di Malaysia, piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima;';

- (d) dengan memasukkan selepas takrif "piawaian perakaunan diluluskan" takrif yang berikut:

' "piawaian perakaunan diluluskan MASB" ertinya piawaian perakaunan diluluskan selain piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima;'; dan

- (e) dengan memasukkan selepas takrif "Suruhanjaya Sekuriti" takrif yang berikut:

' "syarikat asing" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Syarikat 1965;';

Pindaan seksyen 5

3. Perenggan 5(1)(/) Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum koma bemoktah perkataan "atau wakilnya yang hendaklah merupakan seorang anggota majlis bagi Institut Akauntan Malaysia".

Pindaan seksyen 6

4. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Pengerusi Yayasan dan lapan orang anggota lain" dengan perkataan "Sembilan orang anggota Yayasan";

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pengerusi Yayasan hendaklah menguruskan semua mesyuarat Yayasan."; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Jika Pengerusi Yayasan tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Yayasan, anggota yang hadir pada mesyuarat Yayasan itu hendaklah memilih seorang daripada anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)(a) hingga (f) yang hadir untuk menguruskan mesyuarat itu.

(4) Mana-mana anggota Yayasan boleh mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat Yayasan dengan menggunakan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik yang lain.

(5) Seseorang anggota Yayasan yang mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat Yayasan dengan menggunakan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik yang lain disifatkan telah menghadiri mesyuarat itu.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3), (4) dan (5), Yayasan boleh menentukan penjalanan prosidingnya."

Pindaan seksyen 7**5. Seksyen 7 Akta ibu dipinda— (a)**

dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa piawaian perakaunan diluluskan secara keseluruhan atau sebahagian;"

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) mengeluarkan, meluluskan, mengkaji semula, menyemak, meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa buletin isu secara keseluruhan atau sebahagian;"

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) mengeluarkan, meluluskan, mengkaji semula, menyemak, meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa pernyataan prinsip-prinsip, apa-apa keluaran teknikal dan keluaran lain dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan laporan kewangan walau dikenali dengan nama apa jua pun secara keseluruhan atau sebahagian;" dan

(iv) dalam perenggan (h), dengan memasukkan selepas perkataan "melaksanakan" perkataan "apa-apa fungsi lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Akta ini atau";

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "perenggan (1)(a), (1)(b), (1)(c) atau (1)(g,j)" dengan perkataan "perenggan (l)(a), (b), (ba), (c), (ca) atau (g)"; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (4).

Pindaan seksyen 9

6. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Mana-mana anggota Lembaga boleh mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat Lembaga dengan menggunakan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik yang lain.

(2B) Mana-mana anggota Lembaga yang mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat Lembaga dengan menggunakan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik yang lain disifatkan sebagai telah menghadiri mesyuarat itu."; dan

- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "Lembaga" dengan perkataan "Tertakluk kepada subseksyen (2), (2A), (2B), (3), (4) dan (6), Lembaga".

Pindaan seksyen 17

7. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Pengarah Teknikal" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif"; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Pengarah Teknikal" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif".

Pindaan seksyen 18

8. Subseksyen 18(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah Teknikal" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif".

Bahagian baru IIIA

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IIIA

PIAWAIAN

Badan-badan pengeluar yang lain

26A. Lembaga boleh memberikan pengiktirafan kepada badan-badan pengeluar piawaian perakaunan yang lain jika Lembaga berpendapat bahawa—

- (a) badan-badan pengeluar piawaian perakaunan itu mempunyai kedudukan dan reputasi bertaraf antarabangsa; dan
- (b) piawaian perakaunan badan-badan pengeluar piawaian perakaunan itu boleh diterima bagi maksud penyata kewangan yang dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat oleh syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham di Malaysia.

Piawaian bagi syarikat asing

26B. Penyata kewangan yang dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat oleh syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham di Malaysia hendaklah mematuhi pada keseluruhannya dengan sama ada—

- (a) mana-mana piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima; atau
- (b) piawaian perakaunan diluluskan MASB.

Piawaian bagi orang selain syarikat asing

26c. Penyata kewangan yang dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat oleh mana-mana orang selain syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham di Malaysia hendaklah mematuhi piawaian perakaunan diluluskan MASB sahaja.

Pematuhan piawaian perakaunan diluluskan

26D. Jika penyata kewangan dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat, penyata kewangan itu hendaklah disifatkan tidak mematuhi kehendak undang-undang itu melainkan jika penyata itu telah disediakan dan disimpan mengikut piawaian perakaunan diluluskan itu."

Pemotongan seksyen 27

10. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 27.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 ("Akta 558").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 558 untuk meminda dan memasukkan takrif-takrif tertentu. Takrif "piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima" dimasukkan disebabkan oleh pengiktirafan yang diberikan oleh Lembaga kepada badan-badan pengeluar piawaian perakaunan di bawah Bahagian baru HIA. Takrif "piawaian perakaunan diluluskan MASB" dimasukkan dan takrif "piawaian perakaunan diluluskan" dipinda untuk membezakan piawaian yang mesti dipatuhi oleh syarikat asing atau orang lain bagi penyata kewangan yang dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 558 untuk mengadakan peruntukan tentang pelantikan wakil Presiden Institut Akauntan Malaysia sebagai anggota Yayasan Laporan Kewangan ("Yayasan").

5. *Fasal 4 dan 6* bertujuan untuk meminda seksyen 6 dan 9 Akta 558 masing-masing untuk memudahkan penjalanan mesyuarat Yayasan dan Lembaga. Di bawah seksyen 6 yang sedia ada, kehadiran Pengerusi dan lapan orang anggota Yayasan yang lain diperlukan untuk membentuk kuorum bagi mesyuarat Yayasan. Dengan pindaan itu, ketidakhadiran Pengerusi tidak akan menjejaskan mesyuarat itu kerana kuorum akan terbentuk asalkan sembilan orang anggota Yayasan hadir pada mesyuarat itu. Subseksyen (3) baru mengadakan peruntukan tentang pelantikan seorang anggota oleh anggota yang hadir untuk mempengerusikan sesuatu mesyuarat jika Pengerusi Yayasan tidak dapat hadir pada mesyuarat itu. Walau bagaimanapun pengerusi hanya boleh dilantik daripada kalangan anggota yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)(a) hingga (f). Dua subseksyen baru dimasukkan ke dalam seksyen 6, iaitu subseksyen (4) dan (5), untuk membenarkan penggunaan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik lain bagi anggota yang tidak dapat menghadiri mesyuarat secara fizikal. Anggota yang menggunakan cara telepersidangan atau videopersidangan atau cara elektronik lain akan disifatkan sebagai telah menghadiri mesyuarat itu. Peruntukan yang serupa dicadangkan bagi seksyen 9 untuk membolehkan penggunaan cara elektronik sedemikian bagi mesyuarat Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("Lembaga").

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 558 untuk meluaskan fungsi Lembaga supaya termasuk kuasa untuk meminda piawaian perakaunan diluluskan dan untuk mengeluarkan dan meminda buletin isu atau pernyataan teknikal daripadajenis yang lain. Subseksyen 7(4) dipotongkerana takrif "subsidiari" dan "perbadanan berkaitan" yang terdapat dalam subseksyen itu tidak lagi selaras dengan masing-masing piawaian perakaunan diluluskan.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIIA ke dalam Akta 558. Bahagian baru yang dicadangkan itu mengadakan peruntukan tentang pemberian pengiktirafan oleh Lembaga kepada badan-badan pengeluar piawaian perakaunan yang mempunyai kedudukan dan reputasi bertaraf antarabangsa yang bagus. Bahagian baru itu juga membezakan piawaian perakaunan yang dikehendaki supaya digunakan bagi penyata kewangan yang disediakan oleh syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham di Malaysia dan orang lain. Penyata kewangan yang dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbirkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat oleh syarikat asing yang disenaraikan di bursa saham Malaysia mestilah mematuhi sama ada piawaian perakaunan diiktiraf antarabangsa yang boleh diterima yang dikeluarkan oleh badan-badan pengeluar piawaian perakaunan yang diiktiraf oleh Lembaga atau piawaian perakaunan diluluskan MASB manakala bagi orang lain, mereka mestilah mematuhi piawaian perakaunan diluluskan MASB sahaja.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2406]

A BILL

intituled

An Act to amend the Financial Reporting Act 1997.

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title

1. This Act may be cited as the Financial Reporting (Amendment) Act 2004.

Amendment of section 2

2. The Financial Reporting Act 1997 [*Act 558*], which is referred to as the "principal Act" in this Act, is amended in section 2—

(a) by inserting after the definition of "Fund" the following definition:

' "issues bulletin" means a statement issued or approved by the Board under subsection 7(1) concerning the interpretation, application or implementation of any approved accounting standards or matters relating to approved accounting standards or any matter relating to accounting practices used for the preparation of financial statements, either generally or in relation to any specific accounting principles or transactions;';

Bill

- (b) by inserting before the definition of "accounting standards" the following definition:

' "acceptable internationally recognised accounting standards" means accounting standards issued by other accounting standards issuing bodies granted recognition by the Board under section 26A;'

- (c) by substituting for the definition of "approved accounting standards" the following definition:

' "approved accounting standards" means—

- (a) new accounting standards issued by the Board under paragraph 1(1)(a);
- (b) existing accounting standards adopted by the Board under paragraph 7(1)(b); and
- (c) in relation to foreign companies listed on a stock exchange in Malaysia, acceptable internationally recognised accounting standards;'

- (d) by inserting after the definition of "issues bulletin" the following definition:

' "MASB approved accounting standards" means approved accounting standards other than acceptable internationally recognised accounting standards;'

- (e) by inserting after the definition of "Central Bank" the following definition:

' "foreign company" has the same meaning as in the Companies Act 1965;'

Amendment of section 5

3. Paragraph 5(1)(f) of the principal Act is amended by inserting before the semicolon the words "or his representative who shall be a council member of the Malaysian Institute of Accountants".

Amendment of section 6

4. Section 6 of the principal Act is amended—

(a) in subsection (1), by substituting for the words "The Chairman of the Foundation and eight other members" the words "Nine members of the Foundation";

(b) by substituting for subsection (2) the following subsection:

"(2) The Chairman of the Foundation shall preside over all meetings of the Foundation."; and

(c) by inserting after subsection (2) the following subsections:

"(3) If the Chairman of the Foundation is absent from any meeting of the Foundation, the members present at the meeting of the Foundation shall elect one of the members specified in paragraphs 5(l)(a) to (f) present to preside over that meeting.

(4) Any member of the Foundation may take part in a meeting of the Foundation using teleconferencing or videoconferencing or other electronic means.

(5) A member of the Foundation who takes part in a meeting of the Foundation using teleconferencing or videoconferencing or other electronic means is deemed to have attended the meeting.

(6) Subject to subsections (2), (3), (4) and (5), the Foundation may determine the conduct of its proceedings."

Amendment of section 7

5. Section 7 of the principal Act is amended—

(a) in subsection (1) —

(i) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

"(ba) to amend, substitute for, suspend, defer, withdraw or revoke any approved accounting standards in whole or in part;"

(ii) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

"(c) to issue, approve, review, revise, amend, substitute for, suspend, defer, withdraw or revoke any issues bulletin in whole or in part;"

(iii) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

"(ca) to issue, approve, review, revise, amend, substitute for, suspend, defer, withdraw or revoke any statement of principles, any technical and other releases and any other document relating to financial reporting by whatever name called in whole or in part;"
and

(iv) in paragraph (h), by inserting after the word "perform" the words "any other function conferred or imposed upon it by this Act or";

(b) in subsection (2), by substituting for the words "paragraph (l)(a), (b), (c) or (g)" the words "paragraph (l)(a), (b), (ba), (c), (ca) or (g)"; and

(c) by deleting subsection (4).

Amendment of section 9

6. Section 9 of the principal Act is amended—

(a) by inserting after subsection (2) the following subsections:

"(2A) Any member of the Board may take part in a meeting of the Board using teleconferencing or videoconferencing or other electronic means.

(2B) Any member of the Board who takes part in a meeting of the Board using teleconferencing or videoconferencing or other electronic means is deemed to have attended the meeting."; and

- (b) in subsection (5), by substituting for the words "The Board" the words "Subject to subsections (2), (2A), (2B), (3), (4) and (6), the Board".

Amendment of section 17

7. Section 17 of the principal Act is amended—

- (a) in the shoulder note, by substituting for the words "Technical Director" the words "chief executive officer"; and
- (b) in subsection (2), by substituting for the words "Technical Director" the words "chief executive officer".

Amendment of section 18

8. Subsection 18(2) of the principal Act is amended by substituting for the words "Technical Director" the words "chief executive officer".

New Part IIIA

9. The principal Act is amended by inserting after Part III the following Part:

"PART IIIA STANDARDS

Other issuing bodies

26A. The Board may grant recognition to other accounting standards issuing bodies if the Board is of the opinion that—

- (a) the accounting standards issuing bodies are of international standing and repute; and
- (b) the accounting standards of the accounting standards issuing bodies are acceptable for the purpose of financial statements which are required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, the Central Bank or the Registrar of Companies by foreign companies listed on a stock exchange in Malaysia.

Standards for foreign companies

26B. Financial statement which are required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, the Central Bank or the Registrar of Companies by foreign companies listed on a stock exchange in Malaysia shall comply in their entirety with either—

- (a) any acceptable internationally recognised accounting standards; or
- (b) MASB approved accounting standards.

Standards for persons other than foreign companies

26c. Financial statements which are required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, the Central Bank or the Register of Companies by any person other than foreign companies listed on a stock exchange in Malaysia shall comply with MASB approved accounting standards only.

Compliance with approved accounting standards

26D. Where financial statements are required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, the Central Bank or the Registrar of Companies, such financial statements shall be deemed not to have complied with the requirements of such law unless they have been prepared and are kept in accordance with the approved accounting standards."

Deletion of section 27

10. The principal Act is amended by deleting section 27.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Financial Reporting Act 1997 ("Act 558"). 2.

Clause 1 contains the short title of the proposed Act.

3. *Clause 2* seeks to amend section 2 of Act 558 to amend and introduce certain definitions. The definition of "acceptable internationally recognised accounting standards" is introduced because of the recognition given by the Board to accounting standards issuing bodies under the new Part III A. The definition of "MASB approved accounting standards" is introduced and the definition of "approved accounting standards" is amended to distinguish the standards that have to be complied with by foreign companies or other persons for their financial statements required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, the Central Bank or the Registrar of Companies.
4. *Clause 3* seeks to amend section 5 of Act 55 § to provide for the appointment of a representative of the President of the Malaysian Institute of Accountants to be a member of the Financial Reporting Foundation ("the Foundation").
5. *Clauses 4 and 6* seek to amend sections 6 and 9 of Act 558 to facilitate the conduct of meetings of the Foundation and the Board, respectively. Under the existing section 6, the attendance of the Chairman and eight other members of the Foundation is necessary to form the quorum for meetings of the Foundation. With the amendment, the absence of the Chairman will not affect the meeting because the quorum will be formed as long as there are nine members of the Foundation present at the meeting. The new subsection (3) provides for the appointment of a member by the members present to preside over a meeting of the Foundation if the Chairman of the Foundation is absent at the meeting. Nevertheless the chairman can only be appointed from among members specified in paragraphs 5(l)(a) to (f). Two new subsections, namely subsections (4) and (5) are introduced into section 6 to permit the usage of teleconferencing or videoconferencing or other electronic means for members who cannot attend the meeting physically. The member who uses teleconferencing or videoconferencing or other electronic means will be deemed to have attended the meeting. Similar provisions are proposed for section 9 so as to enable the usage of such electronic means for meetings of the Malaysian Accounting Standards Board ("the Board").
6. *Clause 5* seeks to amend section 7 of Act 558 to expand the functions of the Board to include the power to amend approved accounting standards and to issue and amend issues bulletin or other types of technical pronouncements. Subsection 7(4) is deleted because the definitions "subsidiary" and "associated corporation" contained in the subsection are no longer consistent with the respective approved accounting standards.
7. *Clause 9* seeks to introduce a new Part IIIA into Act 558. The proposed new Part provides for the granting of recognition by the Board to accounting standards issuing bodies who have good international standing and reputation. The new Part also distinguishes the accounting standards to be used for financial statements prepared by foreign companies listed on the stock exchange in Malaysia and other persons. Financial statements required to be prepared or lodged under any law administered by the Securities Commission, Central Bank or Registrar of Companies by foreign companies who are listed on the Malaysian stock exchange must comply with either acceptable internationally recognised accounting standards issued by accounting standards issuing bodies recognised by the Board or MASB approved accounting standards whereas for other persons, they must comply with MASB approved accounting standards only.

8

Bill

8. Other amendments not specifically dealt with in this Statement are minor or consequential in nature.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U²)2406]